



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
PEMAKLUMAN RASMI
KRISIS COVID-19: BILANGAN 09 TAHUN 2021**

**OPERASI PENGURUSAN PELAJAR SUSULAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP) FASA PERTAMA BERMULA PADA 1 JUN 2021 HINGGA 14
JUN 2021**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dikasihi,

Merujuk kepada Pekeliling Pentadbiran Bil. 7 Tahun 2021 yang dikeluarkan pada 31 Mei 2021 mengenai Operasi Universiti Malaysia Pahang (UMP) susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa adalah seperti berikut;

1.1 Hal Ehwal Akademik Dan Penyelidikan

- i. Aktiviti penyelidikan dan penggunaan makmal adalah **TIDAK DIBENARKAN** bagi semua staf, pelajar prasiswazah dan pelajar pasca siswazah tertakluk kepada perubahan status PKPD Daerah Kuantan
- ii. Bagi pelaksanaan peperiksaan akhir Semester 2,2020/2021 ianya akan dijalankan sepenuhnya secara dalam talian.
- iii. Sebarang perubahan ketetapan pelaksanaan dan perincian akan dimaklumkan dari semasa ke semasa oleh Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa dan Jabatan Penyelidikan & Inovasi.

1.2 Hal Ehwal Pelajar

- i. Urusan pihak luar berkaitan perkhidmatan pos dan kurier adalah dibenarkan melalui pemantauan SOP yang telah ditetapkan dengan jumlah kehadiran minimum. Prinsipan berkaitan perkara ini akan diselaraskan oleh Jabatan Pendaftar dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

- ii. Pelawat/ Ibu bapa/ teksi/ e-hailing adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki kampus.
- iii. Perkhidmatan penghantaran makanan adalah **DIBENARKAN** memasuki kampus ke kawasan yang telah ditetapkan sahaja. Transaksi pembayaran secara *Cash On Delivery* (COD) adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

1.3 Tarikh Kuatkuasa

- a) Pemakluman rasmi ini adalah berkuat kuasa pada 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021 atau sehingga pihak kerajaan mengeluarkan arahan terbaharu mengenai tempoh pelanjutan atau penamatan PKPD Daerah Kuantan dan PKP Fasa Pertama.
- c) Pemakluman rasmi ini merupakan tambahan bagi Pemakluman Rasmi Hal Ehwal Pelajar ke 21 Bil 6/2021.

1.4 Pematuhan

1. Peraturan ini wajib dipatuhi tanpa sebarang prejudis. Siasatan akan dijalankan kepada mana-mana pihak yang didapati gagal mematuhi pemakluman ini dan tindakan bersesuaian peraturan universiti boleh dikenakan.
2. Sebarang pertanyaan mengenai pelajar kembali ke kampus, sila hubungi Bilik Gerakan UMP seperti berikut Kampus Gambang (09-5493333) dan UMP Pekan (09-4246999) atau melalui emel admin_jhepa@ump.edu.my.
3. Sebarang pertanyaan berhubung urusan akademik sila hubungi Pusat Pengurusan Akademik seperti berikut Kampus Gambang (09-5492550) dan UMP Pekan (09-4245252) atau melalui emel ppa@ump.edu.my.

Sekian Terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah.



(PROFESOR DATO’ Ts. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh: 01 Jun 2021

s.k Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi
Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan
Ketua Pustakawan
Penasihat Undang-Undang
Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan
Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

#StaySafe
#StayStrong
#StayAtHome
#AmalkanPenjarakanSosial
#KitaJagaKita